

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 47

Maklumat di bawah ialah penyata kedudukan kewangan Perniagaan Harsheetta pada 1 Jun 2017:

Perniagaan Harsheetta			
Penyata kedudukan kewangan pada 1 Jun 2017			
	RM		
Kenderaan (nilai bersih)	48,000	Modal	58,200
Perabot (nilai bersih)	10,000	Untung bersih	13,280
Inventori	8,540	Akaun belum bayar	2,960
Akaun belum terima	3,430		
Bank	4,470		
	<hr/> <hr/>		<hr/> <hr/>
	74,440		74,440
	<hr/> <hr/>		<hr/> <hr/>

Urus niaga berikut telah berlaku sepanjang bulan Jun 2017:

- (i) Membeli perabot kedai dengan cek RM4,200.
- (ii) Membeli barang niaga secara kredit RM2,800.
- (iii) Pemilik telah membawa tunai sebanyak RM5,000 (dibankkan), komputer dan mesin cetak bernilai RM2,280 dan stok bernilai 820.
- (iv) Terima cek daripada jualan tunai barang niaga sebanyak RM1,450 dan wang ini telah dibankkan. Kos barang dijual adalah RM920.
- (v) Pemilik telah mengambil barang niaga sebanyak RM380. Separuh daripada barang niaga ini telah didermakan atas nama perniagaan.
- (vi) Menjual barang niaga RM3,780 secara kredit. Harga kos barang ini ialah RM2,600.
- (vii) Pelanggan telah memulangkan barang niaga yang berkos RM250. Harga jualan barang ini ialah RM340.
- (viii) Menerima cek daripada akaun belum terima berjumlah RM4,710. Diskaun yang diberi adalah RM60.
- (ix) Bank telah memulangkan satu cek akaun belum terima RM560 dengan maklumat “Rujuk kepada penyuruh bayar”.
- (x) Kos kenderaan perniagaan ialah RM60,000. Susut nilai diperuntukan berdasarkan kepada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (xi) Kos perabot perniagaan ialah RM12,000. Susut nilai perabot diberi pada kadar 25% setahun atas kos.
- (xii) Alatan pejabat telah dinilaikan semula pada akhir bulan kepada RM2,000.
- (xiii) Gaji pekerja dibayar secara cek RM2,400.

Dikehendaki:

- (a) Melengkapkan jadual yang diberikan di bawah dengan merekodkan semua urus niaga di atas.

	Kenderaan	Perabot	Alatan pejabat	Inventori	Akaun belum terima	Bank	Akaun belum bayar	Modal	Untung bersih
Jun 2017	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki awal									
(i)									
(ii)									
(iii)									
(iv)									
(v)									
(vi)									
(vii)									
(viii)									
(ix)									
(x)									
(xi)									
(xii)									
(xiii)									
Baki akhir									

- (b) Sediakan semula penyata kedudukan kewangan perniagaan ini pada 30 Jun 2017 setelah urus-urus niaga, di atas diambil kira.